

# AIA PUBLIC Takaful komited tawar penyelesaian langkaui perlindungan

Pertingkat kesihatan, kekayaan rakyat pasca pandemik melalui ekosistem perlindungan menyeluruh

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwansafaisal@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** AIA PUBLIC Takaful Bhd (AIA PUBLIC Takaful) sentiasa komited membantu rakyat Malaysia mencapai jaminan kewangan dan kini melangkah lebih jauh lagi bagi memperbaiki masyarakat, terutama segmen Bumiputera membina kekayaan dalam era pasca pandemik.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Elmie Aman Naja, berkata AIA PUBLIC Takaful baru-baru ini memperkenalkan proposisi Penyelesaian Kekayaan Menyeluruh (Total Wealth Solution - TWS) bagi menyokong aspirasi kekayaan pelanggannya yang melengkapkan proposisi Penyelesaian Kesihatan Menyeluruh (Total Health Solution - THS) sedia ada.

Katanya, THS dilancarkan pada April 2021 dengan matlamat membantu rakyat Malaysia untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan mereka.

"Melalui proposisi kesihatan ini, pelanggan kami diberikan bimbingan dan sokongan holistik mengenai cara untuk hidup sihat dan sebaiknya."

"TWS yang dilancarkan pada tahun ini sebaliknya, direka bentuk bagi menggalakkan pelanggan menerapkan tabiat kewangan yang sihat dan membuat pelaburan kukuh untuk memenuhi matlamat simpanan jangka panjang."

"Pada masa sama, membantu mereka membina legasi yang berkekalan dan berkesan untuk keluarga."

Secara bersama, Penyelesaian Kesihatan dan Kekayaan Menyeluruh (THWS) itu membentuk satu ekosistem perlindungan hujung ke hujung yang dibina berdasarkan empat tonggak sokongan:

Rancang Sebaiknya, Hidup Sebaiknya, Lindungi Sebaiknya serta Pulih Sebaiknya yang membolehkan pelanggannya menjalani Kehidupan Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

"Kami percaya bahawa kesih-

tan dan kekayaan berjalan seiring dan matlamat kami adalah untuk menyediakan ekosistem yang menawarkan pelanggan dengan segala yang diperlukan untuk menikmati kehidupan lebih berkualiti," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

## Perancangan kewangan

Elmie turut berkata, permintaan untuk solusi kesihatan dan kesejahteraan yang diperibadikan ditambah dengan nasihat yang dipercayai dan profesional kini semakin tinggi.

Disebabkan ini, apabila pihaknya membangunkan sebarang taruhan produk, mereka akan sentiasa melihat bagaimana pengendali takaful itu boleh memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan pelanggan.

"Tumpuan terhadap aspek 'kekayaan' itu sentiasa ada. Sebagai pengendali takaful terkemuka, kami sentiasa menyahut cabaran memperkenalkan pelan inovatif patuh syariah yang mampu menyokong pelanggan kami, walaupun mereka tidak menggunakan faedah takaful mereka," tambah Elmie.

Menurut Kementerian Kewangan, setakat suku kedua tahun ini, lebih 6.6 juta ahli, atau 52 peratus ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bermurah bawah 55 tahun mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000. Daripada jumlah itu, 4.99 juta ahli, atau 75 peratus adalah Bumiputera.

Elmie berkata, perangkaan yang menjelaskan ini menunjukkan perancangan kewangan semakin diperlukan.

"Apabila rakyat Malaysia sudah menyesuaikan diri dengan kehidupan dalam era pasca pan-



Elmie Aman Naja

demik ini, mereka memerlukan rakan kongsi untuk membantu membina semula masa depan mereka dengan yakin.

"Dengan TWS, kami berhasrat untuk memberi rakyat Malaysia sumber dan sokongan untuk membantu mereka merancang semula perjalanan kewangan mereka.

"Jadi langkah pertama mencapai sebarang matlamat adalah untuk Rancang Sebaiknya yang juga tonggak pertama ekosistem THWS kami.

"Pelanggan boleh memanfaatkan alatan perancangan kewangan AIA, termasuk platform pernilaian Pemeriksaan Kesihatan Kewangan kami yang disediakan secara percuma menerusi aplikasi mudah alih My AIA dan laman web kami sebagai satu cara untuk membantu rakyat Malaysia menilai keperluan perlindungan dan kekayaan mereka.

"Melalui keupayaan digital ini, kami ingin memudahkan orang ramai menyemak kedudukan kewangan mereka dengan hanya

melengkapkan penilaian itu," katanya.

Tonggak kedua, iaitu Hidup Sebaiknya memotivasi pelanggan untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat melalui program kesihatan berdasarkan sains AIA Vitality.

Sementara itu, tonggak ketiga, iaitu Lindungi Sebaiknya menjamin masa depan pelanggan melalui pelan simpanan dan pelaburan komprehensif yang disepadukan dengan kepakaran Perkhidmatan Pengurusan Pelaburan AIA.

"Sebagai contoh, pelan berkaitan pelaburan (IL) terbaru kami, A-Life Legasi Beyond yang dilancarkan pada Ogos lalu bukan sahaja menyediakan sehingga enam kali ganda jumlah perlindungan melalui Hibah takaful, tetapi juga memberi ganjaran kepada pelanggan kerana kekal berdisiplin dari segi kewangan dengan ciri Legasi Booster, selain menawarkan faedah pengurusan pusaka," katanya.

Elmie berkata, pihaknya sedar mengenai cabaran kewangan yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia dan kerana itu berhasrat menawarkan penyelesaian yang dapat membantu mencapai aspirasi kewangan mereka.

"Sepanjang pandemik ini, kita dapat melihat rakyat Malaysia menanggung lebih banyak hutang sehingga terpaksa mengeluarkan wang persaraan dari akaun KWSP mereka, yang mungkin boleh membawa kepada masa depan yang tidak menentu.

"Pelan takaful keluarga A-Enrich Rezeki kami misalnya, direka untuk membantu pelanggan meningkatkan lagi simpanan mereka dan menikmati potensi keuntungan pelaburan melalui ciri pelaburan yang disediakan.

"Bukan itu sahaja, untuk membolehkan pelanggan memaksimumkan pulangan jangka panjang mereka, pada Jun tahun ini kami menambah dana baharu pada portfolio dana IL kami, A-Dana Strategy Dynamic yang memberikan pendedahan kepada ekuiti syariah asing dan tempatan," katanya.

Melalui tonggak keempat dan terakhir – Pulih Sebaiknya, Elmie menjelaskan, pelanggannya akan disokong sebaiknya sekiranya mereka jatuh sakit.

"Pelanggan kami mendapat akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti melalui rangkaian panel hospital dan klinik kami yang meluas, perkhidmatan teleperubatan dan juga perkhidmatan pengurusan kes perubatan peribadi dari peringkat diagnosis hingga ke pemulihan.

Melengkapkan ekosistem holistik ini ialah pasukan agensi

pengendali takaful berkenaan yang terdiri daripada lebih 14,000 Perancang Hayat yang kini diberi mandat untuk memberi inspirasi kepada pelanggan untuk menjalani hidup sihat dan sejahtera.

"Kami tidak melihat ejen kami hanya sebagai Perancang Hayat, tetapi sebaliknya menggalas tanggungjawab baharu sebagai rakan 'HLBL' pelanggan," kata dia, merujuk kepada akronim 'Healthier, Longer; Better Lives'.

"Mencapai gelaran ini bermakna mereka bukan sahaja dilatih untuk memberi nasihat kewangan profesional, tetapi juga membimbing dan memotivasi pelanggan mengenai makna sebenar gaya hidup HLBL," jelas Elmie.

Peralihan minda agensi ini adalah salah satu penyebab AIA PUBLIC Takaful ialah pengendali takaful teratas dari aspek perekutan ejen yang mana satu daripada tiga ejen takaful di negara ini adalah daripada AIA.

## Strategi persaingan

Tambah Elmie, negara ini mempunyai industri takaful yang dinamik dengan potensi sangat besar yang dapat dilihat menerusi kemajuan berterusan dalam inovasi produk, profesionalisme agensi dan pengembangan kepada saluruan digital.

"Semua ini adalah perkembangan yang memberangsangkan dan membuktikan bahawa nilai dan kepentingan perlindungan takaful itu semakin berubah.

Sementara itu, ditanyakan strategi AIA PUBLIC Takaful untuk kekal kehadapan dalam persaingan industri takaful, Elmie berkata, salah satu perkara utama yang membezakan syarikat ialah komitmen dan keupayaannya untuk melangkah melangai perlindungan.

"Walaupun secara lazimnya, pengendali takaful cenderung menumpukan pada aspek perlindungan sahaja, di AIA PUBLIC Takaful kami mahu keluar daripada acuan itu. Sebaliknya mahu menjadi rakan kongsi yang dipercayai perihal kesihatan dan kesejahteraan pelanggan kami," kata Elmie.

"AIA PUBLIC Takaful sudah melindungi rakyat Malaysia selama lebih sedekad dan akan terus kekal bersama pelanggan kami di setiap langkah perjalanan mereka. Ia agak mudah, kami ingin membantu pelanggan menjalani kehidupan dengan sepenuhnya dalam era pasca pandemik ini," katanya.

Untuk mengetahui lanjut mengenai ekosistem Penyelesaian Kesihatan dan Kekayaan Menyeluruh dari AIA PUBLIC Takaful, layari [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my)

penyelesaian  
kesihatan &  
kekayaan  
menyeluruh

RANCANG SEBAIKNYA

HIDUP SEBAIKNYA

LINDUNGI SEBAIKNYA

PULIH SEBAIKNYA